

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2019)**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM
[ARAU]**

TARIKH : 16 JULAI 2019 (SELASA)

SOALAN NO.99

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah status terkini serta tindakan Kementerian yang telah diambil terhadap restoran-restoran asing atau kedai mamak yang menggunakan sijil halal palsu dan mengelirukan pelanggan muslim dengan menyembunyikan identiti sebenar mereka dengan berselindung dibalik bingkai dan hiasan ayat al-Quran dan apakah modal yang telah diserapkan warga asing untuk meniaga di negara ini serta apakah lesen yang dijual oleh tempatan kepada warga asing ini dianggap sah?

**JAWAPAN: (YB DATUK SERI DR. MUJAHID BIN YUSOF, MENTERI
DI JABATAN PERDANA MENTERI)**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman ahli Yang Berhormat, berdasarkan undang-undang sedia ada, penggunaan logo halal tanpa Sijil Pengesahan Halal Malaysia (SPHM) yang sah merupakan satu kesalahan di bawah Akta Perihal Dagangan 2011 (APD 2011) yang dikuatkuasakan oleh Kementerian Perdagangan dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP). Peruntukan undang-undang berkenaan menetapkan ia sebagai satu kesalahan yang boleh didenda sehingga RM100,000.00 atau penjara maksimum tiga tahun atau kedua-duanya bagi individu, atau sehingga RM250,000.00 bagi pertubuhan perbadanan.

Manakala bagi pengusaha sama ada yang terdiri daripada muslim atau juga pengusaha bukan muslim yang memperdayakan pengguna dengan penggunaan ayat al-Quran sebagai hiasan atau menggunakan jenama dan nama produk bercirikan keluaran Muslim tanpa logo halal yang sah atau dengan membuat apa-apa representasi atau perbuatan yang boleh memperdaya atau mengelirukan mana-mana orang juga merupakan suatu kesalahan. Ini termasuklah ungkapan atau perbendaharaan seperti 'buffet Ramadhan', 'makanan orang Islam' serta penggunaan nama Islamik seperti 'Muslim product', 'Islamic kitchen', 'sufi', 'mukmin' dan lain-lainnya. Kesalahan di bawah Perintah ini:

- a) Jika orang itu ialah suatu pertubuhan perbadanan, didenda tidak melebihi 5 juta ringgit, dan bagi kesalahan yang kedua atau yang berikutnya, didenda tidak melebihi 10 juta ringgit; atau;
- b) Jika orang itu bukan suatu pertubuhan perbadanan, didenda tidak melebihi satu (1) juta atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga (3) tahun atau kedua-duanya, dan bagi kesalahan yang kedua atau seterusnya, didenda tidak melebihi lima (5) juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima(5) tahun atau kedua-duanya.

JAKIM dan Majlis/Jabatan Agama Islam Negeri-negeri selaku pihak berkuasa berwibawa dalam pensijilan halal sentiasa melakukan tindakan penguatkuasaan bersama-sama KPDNHEP bagi kes-kes yang berlaku di bawah Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Halal dan Perintah Perihal Dagangan (Takrif Halal), APD 2011.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, warga asing tidak dibenarkan menjalankan perniagaan kecil seperti kedai runcit atau lain-lain menggunakan lesen milik penduduk tempatan. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah mengeluarkan Pekeliling Pengeluaran Permit Perniagaan Kecil Oleh Pihak Berkuasa Tempatan

(PBT) pada 30 Jun 2008. Antara inti pati yang ditekankan di dalam pekeliling ini adalah dari segi penguatkuasaan terhadap perniagaan kecil iaitu:

- (i) Pengeluaran permit perniagaan kecil hanya dikeluarkan kepada warganegara Malaysia sahaja;
- (ii) Pemilik permit hendaklah berada di tempat berniaga pada sepanjang masa;
- (iii) Tindakan pembatalan permit boleh diambil ke atas pemilik yang memindah permit perniagaan mereka kepada warga asing; dan
- (iv) PBT boleh menyita serta merampas barang jualan serta merta tanpa perlu mengenakan amaran terlebih dahulu bagi perniagaan tanpa lesen.

KPKT melalui PBT juga telah mengambil tindakan penguatkuasaan bersepadu bersama agensi lain seperti PDRM dan Jabatan Imigresen Malaysia terhadap warga asing. Sehingga kini, didapati bilangan operasi penguatkuasaan oleh PBT ke atas warga asing adalah sejumlah 599 manakala operasi penguatkuasaan bersepadu melibatkan pelbagai agensi lain adalah sebanyak 492 operasi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, di bawah Seksyen 104, Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171), PBT boleh, dengan undang-undang kecil, kaedah atau peraturan, menetapkan denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya bagi pelanggaran mana-mana undang-undang kecil, kaedah dan peraturan dan, mengenai sesuatu kesalahan yang berterusan ia boleh menetapkan sejumlah wang tidak melebihi dua ratus ringgit bagi setiap satu hari selama tempoh kesalahan itu diteruskan selepas sabitan.

Sekian, terima kasih.